

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kes baharu kekal bawah 2,000 semalam, tujuh kematian direkodkan

Kluster majlis pengebumian di Melaka

PUTRAJAYA – Kluster komuniti melibatkan majlis pengebumian antara 11 kluster baharu dikenal pasti, sekali gus menyumbang terhadap 1,745 kes harian negara semalam.

Kes baharu itu menjadikan jumlah pesakit positif Covid-19 terkini sebanyak 305,880 kes, manakala kes sembuh masih mengatasi kes baharu dengan 2,276 kes.

Selangor melaporkan kes baharu tertinggi sebanyak 640 kes dengan 503 daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan diikuti Johor sebanyak 376 kes dan Sarawak sebanyak 139 kes.

Terdapat tujuh kematian di Kuala Lumpur, Selangor, Sarawak, Sabah, Johor dan Kelantan melibatkan dua lelaki dan lima wanita berusia antara 50 hingga 86 tahun menjadikan jumlah kes kematian setakat ini sebanyak 1,148 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, satu kluster komuniti yang melibatkan majlis pengebumian ialah Kluster Kampung Gedang di Alor Gajah dan Melaka Tengah di Melaka, Petaling di Selangor serta Johor Bahru di Johor.

Menurutnya, sebanyak 35 kes dikesan dengan kes indeks saringan individu bergejala serta melibatkan sebuah majlis pengebumian pada 14 Februari, manakala nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes di



SEORANG petugas kesihatan membuat persediaan bagi menyuntik vaksin di Hospital Sungai Buloh kelmarin.

Kampung Gedang, Alor Gajah.

"Kluster kumpulan berisiko tinggi pula ialah Kluster Jalan Anak Gasing di Petaling, Selangor dengan 20 kes serta kes indeks bergejala melibatkan sebuah pusat jagaan warga emas di Jalan Anak Gasing 6/5, Petaling Jaya.

"Sembilan kluster tempat kerja ialah Kluster Jalan Perubatan di Hulu Langat dengan 13 kes pekerja restoran di Jalan Perubatan 2, Pandan Indah, Hulu

Langat dan Kluster Jalan Utarid pula di Kuala Langat dan Petaling dengan 16 kes pekerja kilang di Jalan Utarid U5/15, Shah Alam, Petaling," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Tapak Bina Jalan MP di Petaling dengan 12 kes pekerja tapak binaan di Jalan MP, Subang Jaya, Petaling serta Kluster Balakong Satu di Hulu Langat dengan 10 kes pekerja kilang di Jalan KB 1/9, Kampung

Baru Balakong, Hulu Langat.

"Kluster Jalan DPB Lima di Johor Bahru dengan 32 kes pekerja kilang di Jalan DPB/5, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Johor Bahru, manakala Kluster Jalan Sikamat Lama di Seremban, Negeri Sembilan dengan 12 kes dikenal pasti.

"Kes indeks kluster tersebut hasil saringan prapembedahan melibatkan sebuah pusat pengajian di Jalan Sikamat Lama, Se-

COVID-19	
Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam	
	Jumlah
Kes baharu	1,745
Import	2
Tempatan	1,743
Pulih	2,276
Kematian	7
Masih dirawat	24,025
Jumlah kes sembuh	280,707
Jumlah Kematian	1,148
Jumlah kes keseluruhan	305,880

remban," ujarnya.

Noor Hisham berkata, Kluster Jalan PKNK 1/6 dikesan di Kuala Muda, Kedah dengan 29 kes pekerja kilang di Jalan PKNK 1/6, Kawasan Perindustrian Sungai Petani, Kuala Muda.

"Selain itu, Kluster Sri Jelutung di Pekan, Pahang dengan 30 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan pekerja kilang di Ladang Sri Jelutung, Pekan dan Kluster Jalan Bachok di Bachok dan Pasir Puteh, Kelantan dengan 14 kes.

"Kes indeks melibatkan hasil saringan individu bergejala serta membabitkan sebuah pusat pentadbiran awam di Jalan Bachok, Bachok," jelasnya.